

**NO. SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 17 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6502**

**SOALAN:**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kuarters kakitangan Kerajaan di bawah Kementerian yang tidak diduduki di seluruh negara sehingga sekarang. Apakah cadangan untuk baik pulih kuarters kakitangan kerajaan yang tidak selamat diduduki serta usang di seluruh negara.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Terdapat sebanyak 6,941 unit kuarters kakitangan Kerajaan yang tidak diduduki dari keseluruhan kuarters berjumlah 69,683 unit di bawah Kementerian Dalam Negeri.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini pihak Kementerian telah melaksanakan kerja-kerja ubahsuai kuarters PDRM dari 2 bilik ke 3 bilik. Di samping itu, penyelenggaraan berkala oleh pihak PDRM mengikut peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.**